## PERATURAN PEMARKAHAN

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Bentuk perbuatan mempersendakan Islam:<br>- Berasa bangga mempersendakan nama Allah SWT.<br>- Mengejek dan menghina sunnah Rasulullah SAW.<br>- Menghina golongan ulama dan orang soleh.<br>- Mentafsir al-Quran mengikut hawa nafsu dan logik akal semata-mata.<br>- Menyanjung perbuatan maksiat.<br>- Menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Cara menjaga kesucian Islam selain daripada mengamalkan amar makruf nahi mungkar:<br>- Memperkasakan program keilmuan berbentuk bimbingan.<br>- Mencontohi keperibadian mulia Rasulullah SAW.<br>- Meningkatkan kualiti ibadat fardhu dan sunat.<br>- Meninggalkan segala perbuatan yang boleh mencemarkan kesucian agama Islam.<br>- Penguatkuasaan undang-undang dengan mengenakan hukuman.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Sekumpulan remaja muslim makan tengah hari di khalayak ramai pada bulan Ramadan.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Bincangkan tindakan yang perlu diambil untuk menangani situasi di atas?</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik penskoran<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table>Cadangan jawapan:<br>- Menegur remaja tersebut dengan berhikmah agar mereka sedar kesalahan mereka.<br>- Melaporkan kepada pihak berkuasa seperti majlis agama Islam supaya dapat mengambil tindakan sewajarnya.<br>- Memberi peringatan bahawa perbuatan tersebut adalah dosa besar kerana memperlekehkan syariat Islam.</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Mengapakah perkara di atas berlaku? Huraikan.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table><br>Cadangan isi:<br>- Tidak dapat menahan hawa nafsu.<br>- Pengaruh rakan sebaya.<br>- Kurang disiplin diri.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud pemimpin yang adil:<br>Pemimpin yang menjalankan tanggungjawab terhadap orang yang di bawah pimpinannya berpandukan al-Quran dan al-Hadis.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Firman Allah SWT:<br><br>“.......hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah.”<br><br>(Surah al- Maidah:Ayat 8)</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sebagai pemimpin pelajar, bagaimana anda menyahut seruan ayat di atas?</td><td>2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan:<br>- Menegur rakan yang ponteng kelas dengan berhikmah agar dapat mengurangkan masalah disiplin.<br>- Melaporkan kepada guru disiplin kesalahan murid supaya dapat diambil tindakan.<br>- Membantu rakan yang mempunyai masalah pembelajaran dengan mengulangkaji bersama-sama agar dapat meringankan beban mereka.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Ramalkan perkara yang akan berlaku sekiranya perkara di atas tidak diamalkan di sekolah?</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Melahirkan murid yang tidak prihatin.<br>- Remaja terjebak melakukan masalah disiplin.<br>- Persekitaran sekolah yang tidak selamat.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>1) Wasal lebih utama<br>2) Harus waqaf atau wasal</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Takrif ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Ciri ajaran sesat dari aspek akidah ialah:<br>- Mengaku menjadi nabi atau rasul.<br>- Mendakwa diri atau gurunya sebagai imam al-Mahdi<br>- Mendakwa gurunya dapat menebus dosa.<br>- Memuja makhluk untuk mendapat sesuatu kelebihan.<br>- Mempercayai semua agama benar dan menuju ke syurga.<br>- Menolak alam ghaib seperti roh, malaikat dan jin.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Kuala Lumpur: Jawatankuasa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaaan telah memutuskan ajaran, fahaman dan pegangan ahli GISBH adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran agama Islam……………………………….<br><br>……….ciri penyelewengan lain ialah air basuhan anggota badan pemimpin dan air rendaman seperti rambut dan janggut pemimpin mempunyai berkat.<br><br>November 14, 2024<br>Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada bhnews@bharian.com.my.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Bagaimanakah anda menghindari diri daripada terlibat dengan fahaman tersebut?</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan:<br>- Mendalami ilmu agama Islam yang sebenar berteraskan al-Quran dan al-Sunnah agar dapat menghindarkan diri daripada terjebat melakukan ajaran yang salah.<br>- Memilih guru yang mendalami akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah agar akidah tidak terpesong.<br>- Memastikan ilmu yang dipelajari bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah supaya amalan diterima Allah SWT.</td><td></td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Pada pandangan anda, mengapakah kerajaan mengharamkan ajaran tersebut ? | 4m |
| | | | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Cadangan isi:<br>- Ajaran yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah.<br>- Ajaran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah.<br>- Taksub dengan pemimpin yang sesat. | |
| | (b) | (i) | Maksud nama Allah SWT al-Raqib ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | Bukti Allah SWT bersifat al-Raqib ialah:<br>- Allah SWT Maha mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia. | 1 isi x 2m = 2m |

Rubrik Penskoran (jadual):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | |  | |
| | | (iii) | Huraikan tindakan anda sekiranya rakan di sekolah menggunakan aplikasi tersebut dengan cara yang tidak wajar. | 2m |

Rubrik Penskoran:

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |

Cadangan jawapan:

- Menasihati rakan yang menyalahgunakan aplikasi dengan cara yang salah untuk mengelakkan perbuatan fitnah.
- Menghalang rakan lain supaya tidak menyebarkan maklumat yang negatif kepada orang lain agar tidak memberi kesan buruk kepada masyarakat.
- Melaporkan penyalahgunaan aplikasi media sosial yang dilakukan oleh rakan kepada pihak berwajib seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Bincangkan kesan remaja yang terlibat dalam penyalahgunaan aplikasi di atas dengan mengaitkannya dengan nama Allah al-Raqib.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><table>
<tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table><br>Cadangan isi<br>- Remaja akan mudah terjebak dengan kandungan negatif seperti pornografi dan maklumat palsu, kerana kurangnya kawalan diri dan kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap perbuatan melalui sifat-Nya Al-Raqib.<br><br>- Hubungan sosial secara fizikal menjadi lemah, kerana remaja lebih banyak menghabiskan masa di alam maya tanpa menyedari Allah SWT sentiasa memerhati cara mereka meluangkan masa, sama ada bermanfaat atau sia-sia.<br><br>- Akan berlaku krisis akhlak dan hilang rasa malu, disebabkan penggunaan media secara bebas tanpa batas, sedangkan sifat Allah Al-Raqib mengingatkan bahawa segala perbuatan manusia diperhatikan dan akan dihisab.<br><br>Jawapan mesti merujuk kepada nama Allah al-Raqib.</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud sembelihan ialah menyembelih binatang yang halal dimakan dagingnya dengan cara memutuskan urat halqum dan urat meri'.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Syarat sah sembelihan bagi penyembelih ialah:<br>- Penyembelih beragama Islam @ Ahli Kitab.<br>- Penyembelih melakukan penyembelihan hanya kerana Allah SWT.</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | **Kaedah Water Bath Stunning**<br>● Binatang seolah-olah dikhayalkan sebelum proses penyembelihan berlaku.<br>● Ayam ini akan digantungkan dan kepala akan dicelup ke dalam air yang mengandungi elektrik. | |
| | | (iii) | Mengapakah kaedah di atas dapat memudahkan proses penyembelihan? Huraikan. | 2m |
| | | | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja. / 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. / 2m<br><br>Cadangan jawapan:<br>- Haiwan tidak berasa sakit semasa proses penyembelihan kerana binatang berada dalam keadaan lemah.<br>- Binatang tidak bertindak agresif kerana berada dalam keadaan separa sedar.<br>- Menjadikan proses penyembelihan lebih teratur sekaligus menambahkan bilangan penyembelihan yang sempurna. | |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Huraikan kesan sekiranya kaedah penyembelihan di atas tidak dilaksanakan dengan betul.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><br>Kriteria | Skor<br>Menyatakan isi sahaja. | 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m<br><br>Cadangan isi:<br>- Binatang sembelihan dianggap sebagai bangkai.<br>- Daging rosak dan tidak sihat untuk di makan.<br>- Menjejaskan kesihatan manusia.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Maksud talak ialah pembubaran perkahwinan oleh suami dengan lafaz talak yang jelas atau kiasan</td><td>1 isi x 2m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh lafaz talak berikut:<br>a) Jelas: Aku ceraikan engkau<br>b) Kiasan : Aku lepaskan engkau mulai hari ini</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>




Infografik Bernama<br>Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Cadangkan intervensi yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan kes tersebut.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>

Rubrik Penskoran:

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |

Cadangan jawapan:

- Mengadakan kursus pengurusan kewangan rumah tangga kepada pasangan muda bagi membantu mereka merancang perbelanjaan dengan berkesan.
- Menjalankan sesi kaunseling perkahwinan secara berkala kepada pasangan yang mempunyai konflik bagi menangani isu ketidak sefahaman antara pasangan.
- Sokongan daripada ahli keluarga yang terdekat bagi membantu masalah ekonomi yang kritikal.

</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Berdasarkan statistik di atas, apakah perbezaan data kes perceraian orang Islam di antara negeri -negeri di Malaysia? Huraikan analisis anda.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja (perbandingan data)</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan jawapan:<br><br>Jumlah kes perceraian paling tinggi adalah negeri Selangor berbanding dengan negeri lain. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya kesedaran pasangan dalam menangani konflik rumah tangga. Kesannya, ia akan menggugat keharmonian berkeluarga dalam masyarakat. Kesimpulannya, semua pihak perlulah mengambil peranan membantu pasangan muda melalui program bantuan kewangan, peluang pekerjaan, serta sokongan penjagaan anak agar tekanan hidup berumah tangga dapat dikurangkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Fakta sejarah kerajaan Umaiyah:<br>- Asal penubuhan: bersempena nama Umaiyah bin Abd Shams iaitu salah seorang daripada pemimpin keturunan Quraisy.<br>- Pengasas: Muawiyah bin Abi Sufian.<br>- Tempoh memerintah: tahun 41 hijrah hingga 132 hijrah.<br>- Keluasan kerajaan: meliputi sebahagian besar benua Afrika, Asia dan Eropah.<br>- Bilangan khalifah: 14 orang.<br>- Khalifah terkenal:<br>i. Muawiyah bin Abi Sufian<br>ii. Abdul Malik bin Marwan<br>iii. Al-Walid bin Abdul Malik<br>iv. Umar bin Abdul Aziz<br>- Khalifah pertama: Muawiyah bin Abi Sufian<br>- Khalifah terakhir: Marwan bin Muhammad<br>- Pusat pemerintahan: Damsyik, Syria</td><td>2 isi x 1m = 2m</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Faktor kegemilangan kerajaan Umaiyah dalam aspek ketenteraan:<br>- Pasukan angkatan tentera bersemangat jihad dalam mempertahankan agama dan negara.<br>- Kemudahan pangkalan tentera dan kapal perang yang dilengkapi dengan peralatan perang yang canggih.<br>- Adaptasi strategi peperangan dengan meniru corak gerakan daripada Parsi dalam ketenteraan. | 2 isi x 1m = 2m |
| | | | Antara faktor kemerosotan kerajaan Umaiyah ialah Keruntuhan moral dalam kalangan khalifah kerajaan Umaiyah. | |
| | | (iii) | Sebagai bakal pemimpin negara, apakah persediaan yang patut dilakukan supaya perkara di atas tidak terjadi. | 2m |
| | | | Rubrik penskoran<br><br>Kriteria: Menyatakan isi sahaja. — Skor: 1m<br>Kriteria: Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — Skor: 2m<br><br>Cadangan jawapan:<br>- Melengkapkan diri dengan ilmu agama agar tidak mudah lalai dengan pangkat dan kemewahan<br>- Mempersiapkan diri dengan kemahiran memimpin manusia supaya dapat menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin yang berpandangan jauh<br>- Mempunyai jati diri yang teguh agar tidak senang dipengaruhi dengan unsur yang negatif. | |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>Bincangkan kesan sekiranya perkara di atas dibiarkan berleluasa.</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td></td><td>Rubrik Penskoran:<br><br><table><tr><th>Kriteria</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr><tr><td>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi.<br>Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Pemimpin dikenakan hukuman.<br>- Negara berada dalam keadaan tidak stabil.<br>- Rakyat tidak menghormati pemimpin negara.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi:<br>- Nama penuh: Yusuf bin Ayub bin Syazi<br>- Tarikh lahir: 532 Hijrah<br>- Tarikh meninggal dunia: 589 Hijrah<br>- Jawatan: pemerintah bagi kerajaan Ayubiyah<br>- Ketinggian akhlak:<br>i. Menghormati para ulama<br>ii. Berani mempertahankan agama<br>iii. Prihatin terhadap kebajikan rakyat<br>- Guru yang tersohor: Ali bin Hassan bin Hibatullah bin Asakir al-Damsyiq.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Sumbangan Salahuddin al-Ayyubi:<br>- Membebaskan Baitul Maqdis daripada penguasaan tentera salib.<br>- Mengembalikan semula pegangan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dalam sistem pendidikan.<br>- Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan Bimaristan al-Atiq.<br>- Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit.</td><td>2 isi x 1m<br>= 2m</td></tr>
</table>

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | Salahuddin al-Ayyubi terkenal sebagai pemimpin yang sangat prihatin dalam menjaga kebajikan rakyat. | |
| | | (iii) | Pada pandangan anda, bagaimanakah nilai kepimpinan beliau boleh dipraktikkan oleh murid di sekolah. | 2m |
| | | | Rubrik Penskoran: | |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |

Cadangan jawapan:

- Membantu rakan yang menghadapi masalah dalam kewangan supaya dapat mengurangkan beban perbelanjaan.
- Mendengar masalah rakan yang menghadapi masalah keluarga supaya dapat membantu menenangkan jiwa mereka.
- Bergotong royong membersihkan kelas untuk mencegah penyakit berjangkit agar hidup dalam keadaan sihat.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Huraikan keberkesanan pendekatan tersebut dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah. | 4m |
| | | | Rubrik Penskoran: | |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi:

- Mewujudkan keharmonian.
- Meningkatkan minat murid dalam aktiviti persatuan ko-kurikulum.
- Membentuk imej positif kepada sekolah.

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5 | (a) | (i) | Maksud khauf ialah takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi segala larangan-Nya. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | (ii) | Hikmah khauf dan raja' ialah:<br>- Melahirkan insan yang sentiasa mengingati Allah SWT dalam setiap keadaan.<br>- Melahirkan insan yang bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan.<br>- Mendidik jiwa agar sentiasa menjauhi larangan Allah SWT<br>- Melahirkan insan yang sentiasa berasa gembira melakukan kebaikan.<br>- Melahirkan insan yang sentiasa bertawakal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 1 isi x 2m = 2m |
| | | | *Firman Allah SWT:*<br>*"Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-lumba dalam mengerjakan kebaikan dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harap serta gerun, takut dan mereka pula sentiasa khusyuk dan taat kepada Kami"*<br>(Surah al-Anbiya': Ayat 90) | |
| | | (iii) | Bincangkan cara anda mengaplikasikan maksud ayat di atas dalam kehidupan. | 2m |
| | | | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** — **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br><br>Cadangan jawapan:<br>- Sentiasa berusaha melakukan perkara yang diperintah oleh Allah untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT seperti membantu ibu bapa di rumah.<br>- Melazimi diri dengan memohon hajat kepada Allah SWT untuk meminta pertolongan agar dipermudahkan dalam urusan menuntut ilmu.<br>- Menunaikan solat dengan menyempurnakan rukun-rukunnya supaya amalan diterima Allah SWT. | |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Huraikan implikasi terhadap pengabaian amalan di atas? | 4m |
| | | | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** / **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. — 4m<br><br>Cadangan isi:<br><br>- Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri.<br>- Hubungan dengan manusia menjadi renggang.<br>- Hilang kebergantungan kepada Allah SWT. | |
| | b | (i) | Maksud alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia. | 1 isi x 2m = 2m |

Rubrik Penskoran (jadual di dalam sel di atas):

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Adab menjaga alam sekitar ialah:<br>- Sentiasa mengekalkan ekosistem flora dan fauna agar tidak terancam dan pupus.<br>- Sentiasa memelihara dan memulihara alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang kerosakan seperti penanaman semula pokok bakau.<br>- Sentiasa berusaha mengekalkan keceriaan dan kebersihan alam sekitar seperti bergotong royong membersihkan kawasan rumah dan asrama.<br>- Sentiasa menjaga kelestarian alam seperti menjaga kebersihan sungai.<br>- Sentiasa mengamalkan cara hidup yang mesra alam seperti amalan kitar semula.<br>- Sentiasa berhemah dan tidak membazir menggunakan sumber air.<br><br>Mana-mana jawapan munasabah diterima. | 1 isi x 2m<br>= 2m |
| | | | Aktiviti pembuangan sisa toksik di negara kita semakin berleluasa dan ia dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. | |
| | | (iii) | Cadangkan tindakan yang boleh diambil untuk menangani masalah tersebut? | 2m |
| | | | Rubrik Penskoran:<br><br>**Kriteria** — **Skor**<br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br><br>Cadangan jawapan :<br>- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas terhadap pelaku agar memberi pengajaran kepada orang lain.<br>- Mengadakan kempen kesedaran kepentingan penjagaan alam sekitar untuk mendidik masyarakat lebih prihatin kepada alam sekitar.<br>- Pemantauan yang menyeluruh melibatkan agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar supaya tindakan yang cepat dapat dilaksanakan dengan baik. | |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iv) | Bincangkan impak terhadap negara sekiranya aktiviti tersebut tidak dibendung. Huraikan hujah anda. | 4m |
| | | | Rubrik penskoran: | |

| Kriteria | Skor |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi berserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi berserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat, jelas, relevan dan menarik. | 4m |

Cadangan isi:

- Sektor pelancongan negara terjejas.
- Kemelesetan ekonomi negara
- Kesihatan masyarakat terjejas.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**